

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 21 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 17**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1522-L09202  
**Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menyemak semula syarat-syarat kelulusan pemeriksaan kenderaan khususnya kekerapan pemeriksaan ke atas kenderaan perniagaan selain daripada menambah pelantikan syarikat pemeriksaan kenderaan.
2. PN-1522-L09645  
**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi pengurusan tatakelola Tabung Kewangan Asia (Asian Monetary Fund) seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri semasa lawatan ke China baru-baru ini. Sejauh manakah peranan Malaysia dalam perancangan Tabung Kewangan Asia.
3. PN-1522-L09038  
**Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini projek Pembangunan Perumahan Rakyat (PPR) di negeri Johor.
4. PN-1522-L09220  
**Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai usaha Kementerian untuk memperkenalkan kursus-kursus berasaskan TVET kepada murid-murid di Sekolah Menengah terutamanya kepada mereka yang kurang berminat dalam bidang akademik.

5. PN-1522-L09181  
**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah solidariti negara ASEAN mampu memastikan rantau ini aman daripada campur tangan kuasa besar dunia. Apakah ada usaha penambahbaikan sesama negara jiran dalam isu pencerobohan nelayan di Laut China Selatan agar keselamatan dan kepentingan sempadan terjamin.
6. PN-1522-L09523  
**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk memperkasa kerja-kerja tebatan banjir di Parlimen Padang Serai yang berulang setiap tahun sehingga menjejaskan proses pembangunan sosio ekonomi rakyat setempat.
7. PN-1522-L09296  
**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperbanyakkan koperasi khusus untuk wanita yang ketika ini hanyalah 1.7% daripada jumlah pendaftaran koperasi keseluruhan.
8. PN-1522-L09497  
**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah rancangan kerjasama antara masyarakat Orang Asli yang akan dijalankan menerusi program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).
9. PN-1522-L09534  
**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah fungsi dan kos yang terlibat dalam penubuhan Majlis Media Malaysia oleh Kementerian.
10. PN-1522-L09636  
**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) adakah kesemua peruntukan bagi operasi bantuan bencana termasuk perbelanjaan kenderaan, peralatan, makanan dan bantuan telah diaudit; dan
  - (b) bolehkah Kerajaan senaraikan pecahan bagi semua perbelanjaan bantuan bencana dari tahun 2020 sehingga kini.

11. PN-1522-L09696  
**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam mengatasi isu pelancong yang tidak keluar dari Malaysia setelah tamat visa pelancong tersebut dan berapakah bilangan kes yang telah disiasat berhubung dengan kewujudan unsur jenayah rasuah serta salah laku sepanjang proses kemasukan ke Malaysia.
12. PN-1522-L09122  
**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian terhadap dakwaan Majlis Kawalan Tembakau Malaysia (MCTC) bahawa Kerajaan telah menyebabkan kanak-kanak dan belia lebih terdedah kepada kandungan nikotin dalam rokok elektronik dan peranti rokok elektronik susulan keputusan mengeluarkan cecair dan gel nikotin daripada senarai Akta Racun 1952.
13. PN-1522-L09330  
**Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan diperkenalkan oleh Kementerian bagi meningkatkan lagi fasiliti keselamatan di sekolah-sekolah luar bandar seperti peti pertolongan cemas, alat pemadam api, jaket keselamatan dan sebagainya.
14. PN-1522-L09478  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah lonjakan fiskal untuk suku pertama dan suku kedua pada tahun ini dapat mengurangkan masalah inflasi supaya ekonomi negara mampu berdaya saing apabila menuju peralihan fasa ekonomi pasca endemik 2024-2025.
15. PN-1522-L09249  
**Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berapakah bilangan kes buli siber yang dilaporkan dalam 5 tahun kebelakangan ini dan berapakah kes bunuh diri atau cubaan bunuh diri akibat daripada buli siber ini.
16. PN-1522-L09756  
**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-
  - (a) berapakah jumlah isi rumah yang dijangka terkesan dengan langkah rasionalisasi subsidi bil elektrik yang diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini; dan

- (b) berapakah anggaran jumlah perusahaan kecil dan sederhana yang mendapat manfaat daripada subsidi elektrik bernilai RM10 bilion ini.
17. PN-1522-L09059  
**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bentuk pembiayaan pendidikan tinggi yang disediakan oleh Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera kepada anak-anak pesara tentera yang tidak berpuan hati terutamanya mereka yang mempunyai kecenderungan dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan vokasional.
18. PN-1522-L09607  
**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk program dan bantuan kewangan untuk memelihara dan memperkenalkan produk kebudayaan negeri Kelantan seperti Dikir Barat, wayang kulit dan pertandingan wau sehingga ke peringkat antarabangsa.
19. PN-1522-L09401  
**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pendirian Kementerian mengenai demokrasi kampus dan isu berbangkit berkaitan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta apakah bentuk penambahbaikan yang telah dicadangkan bagi memastikan kerelevanan akta ini bersesuaian dalam landskap politik kampus pada ketika ini.
20. PN-1522-L09113  
**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penjelasan mengenai perkembangan terkini dan tindakan Kementerian dalam menangani isu kekurangan tenaga buruh di Malaysia.
21. PN-1522-L09101  
**Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha yang boleh diambil oleh Kementerian untuk membela nasib pembeli-pembeli lot perniagaan yang tidak dapat menjalankan perniagaan dan menanggung kerugian.
22. PN-1522-L09375  
**Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah nama Kementerian yang mendapat penambahan bajet berbanding dengan Kementerian yang lain dan apakah asas penambahan tersebut.

23. PN-1522-L09551  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneliti semula mekanisme pemberian peruntukan kepada sukan-sukan di negara dengan menukar kepada sistem peruntukan berdasarkan prestasi sukan tersebut.
24. PN-1522-L09208  
**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah kejayaan program-program Kementerian dalam meningkatkan pendapatan penduduk di kawasan desa. Apakah contoh program-program yang berjaya dan contoh kampung-kampung yang terbaik serta aktiviti-aktiviti di kampung tersebut.
25. PN-1522-L09462  
**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) bilakah aerotren di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 akan kembali beroperasi; dan
  - (b) adakah Kementerian melakukan apa-apa siasatan untuk mengenal pasti punca kegagalan aerotren ini.
26. PN-1522-L09350  
**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah status terkini mengenai penyiaran digital MYTV di seluruh negara dan adakah Kementerian telah menyediakan menara pemancar untuk dipancarkan di setiap pelosok negara.
27. PN-1522-L09686  
**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membawa syarikat pemula (startup) ataupun usahawan Malaysia serta produk dan servis mereka ke peringkat antarabangsa.
28. PN-1522-L09285  
**Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membina perkhidmatan kereta api merentasi kepulauan Borneo seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Sarawak.

29. PN-1522-L09538  
**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Kementerian dalam menangani kes buli melibatkan pelajar sekolah terutamanya di sekolah berasrama dan apakah tindakan tegas yang dikenakan oleh Kementerian kepada pengurusan sekolah yang bersekongkol menyembunyikan kes tersebut.
30. PN-1522-L09450  
**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimanakah Kementerian merancang dalam memastikan tiada ketidakadilan dalam penetapan harga perkhidmatan bagi ekosistem ekonomi gig untuk pengangkutan, penghantaran makanan dan sebagainya. Adakah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2018 boleh diperkukuhkan lagi untuk menangani situasi ini.
31. PN-1522-L09311  
**Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah kuota yang diberikan kepada golongan OKU di setiap projek perumahan yang dilaksanakan kelak. Jika tiada, adakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan kouta khas OKU di setiap projek perumahan KPKT.
32. PN-1522-L09302  
**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hala tuju Dasar Luar Negeri di bawah Kerajaan Perpaduan bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai kuasa tengah serta mengimbangi tekanan geopolitik serantau antara Amerika Syarikat, China dan global.
33. PN-1522-L09020  
**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi melaksanakan subsidi bersasar untuk menangani masalah ketirisan yang berterusan seolah-olah ia sesuatu yang normal di negara ini kerana setiap Kerajaan yang berubah itu hanya sekadar bercakap tetapi tidak mempunyai 'political will' yang cukup untuk melaksanakannya.
34. PN-1522-L09196  
**Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kawalan dan tindakan jangka panjang untuk mengelakkan masalah pelanggaran data yang disimpan dalam pangkalan data Kerajaan serta agensi-agensi Kerajaan.

35. PN-1522-L09032  
**Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menurunkan harga kereta keluaran Malaysia atau buatan Malaysia yang dilihat dapat membantu meringankan beban rakyat terutama golongan muda yang baru bekerja dan golongan berpendapatan rendah B40.
36. PN-1522-L09065  
**Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kemudahan dialisis yang disediakan oleh pihak Kerajaan pada masa kini mencukupi bagi menampung para pesakit serta apakah perancangan pihak Kementerian dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang.
37. PN-1522-L09078  
**Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan daripada lebih 850 perkampungan Orang Asli di negara ini, berapakah Kampung Orang Asli yang telah diwartakan sebagai Rizab Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dan berapakah keluasannya mengikut negeri.
38. PN-1522-L09600  
**Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk melahirkan generasi pelajar yang berinovatif dan mampu menghasilkan kajian berimpak tinggi bertaraf antarabangsa.
39. PN-1522-L09541  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam membantu industri Malaysia meningkatkan pengeksportan barangan tinggi nilai sesuai dengan pembukaan semula ekonomi China sebagai rakan dagang terbesar Malaysia.
40. PN-1522-L09406  
**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mengambil sebarang pendekatan dalam menetapkan tarikh pilihan raya umum bagi setiap lima tahun.

41. PN-1522-L09802  
**Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk melaksanakan perkhidmatan pemandu bagi menjamin keselamatan orang awam selain daripada pelaksanaan melalui penguatkuasaan undang-undang dan hukuman bagi mengelakkan memandu dalam keadaan mabuk.
42. PN-1522-L09751  
**Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) di Terengganu, Kelantan dan Kedah akan diwujudkan.
43. PN-1522-L09622  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan mengenai isu aset negara Malaysia di perairan Sabah dan Sarawak yang berada di Laut China Selatan terutamanya aset minyak negara.
44. PN-1522-L09730  
**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada penguatkuasaan terhadap larangan merokok masih giat dilakukan oleh pihak penguatkuasa Kementerian ketika ini memandangkan semakin ramai perokok yang berani menghisap rokok di dalam premis perniagaan yang dipenuhi orang awam.
45. PN-1522-L09584  
**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) usaha yang telah disalurkan bagi membantu penggiat industri pelancongan di tanah besar Kedah (kecuali Langkawi); dan
  - (b) agensi-agensy yang terlibat bagi peruntukan yang telah disalurkan bagi tahun 2022 hingga Mac 2023.

46. PN-1522-L09393

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional cadangan meletakkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan sejauh manakah penempatan SPRM di bawah EAIC memberi jaminan akan kemandirian badan itu untuk bebas daripada campur tangan politik.

47. PN-1522-L09158

**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan impak penubuhan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan sejauh manakah ia telah membantu menangani kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa kini.

48. PN-1522-L09026

**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cara yang akan digunakan untuk melaksanakan subsidi bersasar bagi bahan api dengan mengambil kira kesannya ke atas kos pengangkutan dan seterusnya harga perkhidmatan dan barangan pengguna serta apakah garis masa pelaksanaan bagi setiap bahan api yang terlibat.

49. PN-1522-L09358

**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rangka perancangan Kementerian secara menyeluruh bagi menyelesaikan kos sara hidup yang masih membebani rakyat susulan peningkatan sekali lagi kadar OPR yang diumumkan baru-baru ini.

50. PN-1522-L09214

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengenai usaha libat urus rentas badan penyelidik tempatan bagi memupuk inovasi pertanian moden untuk memperkasakan sistem pertanian pintar bagi meningkatkan produktiviti dan kapasiti pengeluaran.

51. PN-1522-L09323

**Tuan Isaiah A/L D Jacob** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memberi wang ihsan bulanan dan faedah perubatan kepada bekas pemain paralimpik yang telah mengharumkan nama negara sebelum ini.

52. PN-1522-L09526

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang Kementerian dalam melaksanakan Dasar Pendidikan Digital bagi mempercepatkan lagi adaptasi digitalisasi dalam ekosistem pendidikan.

53. PN-1522-L09438

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk memastikan bekalan makanan asas yang dihasilkan di Malaysia dibekalkan untuk kegunaan peruncit tempatan. Adakah terdapat kebenaran dalam dakwaan sesetengah peruncit tempatan bahawa terdapat bekalan tidak sepadan kepada kedai tempatan.

54. PN-1522-L09241

**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah tindakan Kerajaan meningkatkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) mempengaruhi situasi inflasi berbanding kaedah pemberian subsidi. Mohon nyatakan dalam peratusan.; dan
- (b) apakah kesan kepada ekonomi secara praktikal sekiranya kita tidak meningkatkan OPR pada masa ini dan nyatakan alternatif lain yang boleh dilaksanakan oleh Kementerian selain daripada kaedah ini.

55. PN-1522-L09519

**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) apakah pendirian Kementerian berhubung kenyataan Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Mohammad Ab. Rahman yang menyatakan bahawa struktur gaji yang tidak setimpal adalah antara faktor kaum bukan bumiputera tidak berminat untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia; dan
- (b) memandangkan sektor pertahanan negara memerlukan penglibatan segenap masyarakat, adakah pihak Kementerian mempunyai sebarang tindakan susulan, terutamanya dari aspek menambah baik struktur gaji agar lebih ramai rakyat Malaysia akan berminat untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia.

56. PN-1522-L09188

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian mengenai masalah kesetaraan pendidikan terutamanya di kawasan yang mengalami masalah perhubungan terutama di daerah pedalaman dan daerah miskin.

57. PN-1522-L09785

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah dan bilakah Kerajaan dapat mencapai objektif pengurangan pekerja asing dalam industri pembuatan khususnya kepada nisbah 80:20.

58. PN-1522-L09416

**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah maklumat terkini tentang perkembangan rancangan membina jalan sempadan di sepanjang sempadan Sarawak-Kalimantan dan menaik taraf pos-pos keselamatan di sepanjang sempadan. Ini memandangkan ibu kota pentadbiran Indonesia yang akan berpindah ke Kalimantan sudah pun membina jalan sempadan mereka dan menaik taraf pos keselamatan mereka.

59. PN-1522-L09190

**Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah transformasi yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah kekurangan pakar perubatan di Sarawak memandangkan masalah ini telah berlarutan sejak sekian lama.

60. PN-1522-L09684

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pernahkah ada sebarang usaha daripada Kerajaan terdahulu (Perikatan Nasional) untuk menyemak semula perjanjian petroleum.

61. PN-1522-L09042

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bahawa menurut kajian projek Penang South Islands (PSI) akan memberi impak negatif kepada hasil tangkapan nelayan sebanyak RM525 juta setahun dan hasil ternakan laut sebanyak RM1.67 bilion setahun. Apakah langkah yang diambil Kerajaan untuk menggantikan sumber pendapatan nelayan dan penternak hasil laut yang terkesan.

62. PN-1522-L09328  
**Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan mengapakah harga makanan masih belum boleh dikawal malah terus meningkat dan membebankan rakyat. Apakah usaha pihak Kerajaan dalam mengatasi masalah ini.
63. PN-1522-L09508  
**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan berhubung jangkaan peningkatan premium insurans perubatan dan hayat akibat tekanan inflasi dan apakah mekanisme kawal selia yang dilaksanakan supaya peningkatan ini tidak membebankan pengguna.
64. PN-1522-L09755  
**Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah lesen bunga api dan mercun perlu dimohon kepada Kerajaan dan bagaimanakah cara untuk memohon lesen bunga api dan mercun kerana terdapat banyak peniaga menjualnya tanpa lesen.
65. PN-1522-L09723  
**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang sedang direncanakan oleh Kerajaan Persekutuan dalam memartabatkan Bahasa Melayu pada waktu terdekat ini.
66. PN-1522-L09581  
**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sejauh manakah ketegasan Kementerian dalam menangani isu penipuan pembelian tiket konsert yang menggunakan 'bot tiket' dan menjual semula pada harga yang terlalu tinggi sehingga berkali ganda oleh 'scalpers' atau ulat tiket.
67. PN-1522-L09703  
**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah dan peratusan pelajar lepasan SPM, STPM, STAM, Matrikulasi dan Asasi yang telah berjaya dan ditawarkan ke IPTA namun menolak tawaran tersebut mulai tahun 2020 sehingga sekarang mengikut pecahan bangsa atau kaum.

68. PN-1522-L09791  
**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bilangan pencarum yang telah memohon dan mendapat kelulusan pinjaman menggunakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai cagaran sehingga bulan Mei 2023.
69. PN-1522-L09245  
**Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah institut latihan belia di bawah Kementerian dan jumlah keseluruhan pelajar di institut-institut tersebut. Apakah bidang kursus yang paling popular di institut tersebut.
70. PN-1522-L09561  
**Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menyediakan pelan subsidi bersasar bagi bahan api dan elektrik dan bilakah pelaksanaan pelan tersebut akan dimulakan.
71. PN-1522-L09014  
**Tuan Aknan A/L Ehtook** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rumah ibadat yang disiasat kerana disyaki terlibat dengan aktiviti yang melanggar undang-undang negara dan apakah langkah pencegahan yang diambil untuk memastikan tempat-tempat ibadat pelbagai agama di negara ini kekal sebagai tempat yang mulia dan bebas daripada jenayah.
72. PN-1522-L09714  
**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini tuntutan Sarawak dan Sabah supaya diberi satu pertiga daripada jumlah kerusi Parlimen.
73. PN-1522-L09008  
**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dapatan daripada kajian kebolehlaksanaan yang telah dilaksanakan terhadap pelaksanaan cukai barangan mewah dan apakah bentuk pembanterasan yang sedang dipergiatkan dalam menyekat sebarang aktiviti penjualan barangan-barangan berjenama tiruan khususnya jam tangan buatan Swiss yang sekian lama berselindung di sebalik perniagaan tertentu.
74. PN-1522-L09089  
**Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah Jawatankuasa Petugas bagi memantau isu beban beg sekolah berat belum mengeluarkan laporan atau hasil dapatan kajian mereka.

75. PN-1522-L09232  
**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah masalah kerakyatan dan sijil kelahiran bagi anak-anak yang lahir di negara ini tanpa dokumen yang sah dan berapakah peratusan mengenai rakyat Malaysia yang tidak lahir di Malaysia tetapi mendapat kewarganegaraan mengikut kaum.
76. PN-1522-L09127  
**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik yang dilaksanakan bagi melahirkan golongan usahawan dalam kalangan M40 dan B40 dengan menceburi bidang francais dan sejauh manakah program ini akan diteruskan oleh pihak Kementerian.
77. PN-1522-L09678  
**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah tahap pencapaian pengaplikasian teknologi digital dalam kalangan pengusaha Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di kawasan luar bandar supaya dapat bersaing secara sihat dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.
78. PN-1522-L09812  
**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional pemberian peruntukan RM15.75 juta kepada Sekolah Persendirian Cina yang tidak menggunakan sistem dan sukatan pendidikan nasional.
79. PN-1522-L09503  
**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status pembinaan menara baru dengan pemancar 4G di Kg Bukit Rok, Bera di Pahang yang akan mula dilaksanakan pada suku kedua tahun 2021 melalui pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).
80. PN-1522-L09776  
**Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 khususnya seksyen yang menyatakan penguatkuasaan kegiatan judi hanya membabitkan kegiatan di premis dan bukan secara dalam talian.

81. PN-1522-L09667

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) bolehkah Kerajaan senaraikan produk-produk yang masih memerlukan permit import (AP) setakat ini; dan
- (b) apakah komitmen Kementerian untuk menghapuskan sistem permit import.

82. PN-1522-L09577

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional keputusan pihak Kerajaan menarik balik rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang memutuskan penganut agama Kristian boleh menggunakan kalimah Allah dan tiga perkataan Arab lain dalam penerbitan bahan agama mereka.

83. PN-1522-L09176

**Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian dalam memperkasakan kebudayaan setiap kaum di Malaysia dan menggunakan keunikan setiap kaum ini untuk meningkatkan industri pelancongan di Malaysia.

84. PN-1522-L09659

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menjadikan Sekolah Jenis Kebangsaan sebagai arus perdana dengan meningkatkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar mata pelajaran tertentu selain Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran.

85. PN-1522-L09432

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah garis panduan etika pemakaian buat orang awam di Balai Polis yang terkini. Bolehkah pihak PDRM mempertimbangkan pengkajian semula etika pemakaian supaya bersesuaian dengan sektor perkhidmatan polis yang perlu membantu pelapor/mangsa jenayah tanpa menolak mana-mana pihak kerana pemakaian mereka.

86. PN-1522-L09611

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah justifikasi Kementerian bagi mengekalkan pengurusan pembayaran tunggakan cukai oleh individu yang telah meninggal dunia dan adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk meminda akta yang berkenaan supaya pelaksanaannya memudahkan pihak waris.

87. PN-1522-L09644

**Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah Malaysia telah mencapai populasi menua (aging population); dan
- (b) apakah polisi jangka pendek dan pertengahan untuk menangani impak daripada peningkatan penduduk yang semakin tua kepada ekonomi, produktiviti dan kewangan fiskal.

88. PN-1522-L09261

**Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Klinik Kesihatan di Pulau Pinang yang dikategorikan sebagai daif dan usang yang akan mendapat manfaat dan bilakah kerja-kerja naik taraf akan dimulakan.

89. PN-1522-L09716

**Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) bilakah kapal-kapal peronda luar pesisir (OPV) milik APMM dijangka akan siap; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan tiada kelewatan dalam pembinaan kapal tersebut.

90. PN-1522-L09726

**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah faktor yang mendorong jurulatih tempatan yang berkualiti lebih memilih untuk berbakti di luar negara dan apakah mekanisme yang harus diterapkan bagi mewujudkan persekitaran yang boleh mendorong jurulatih tempatan lebih bersemangat dan terus berbakti untuk melahirkan bakat baru dalam industri sukan badminton.

91. PN-1522-L09119  
**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab yang mengakibatkan nilai mata wang Ringgit semakin susut berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat dan Dolar Singapura walaupun langkah menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah diambil.
92. PN-1522-L09352  
**Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah kejayaan dalam membendung kegiatan pencatutan oleh peniaga-peniaga dan apakah mekanisme yang diguna pakai untuk memastikan harga barang dapat dikawal pada paras yang berpatutan kepada pengguna.
93. PN-1522-L09484  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian dalam membangunkan industri koko di Sarawak selain penambahan pusat pembinaan koko mini di Sarawak.
94. PN-1522-L09410  
**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah dasar, inisiatif dan program pembangunan untuk belia dalam usaha Kementerian menggalakkan penyertaan belia dalam program pembangunan belia negara.
95. PN-1522-L09053  
**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar sekolah menengah harian di Negeri Sembilan yang telah menerima biasiswa atau mana-mana penajaan pendidikan persekutuan bagi tahun 2023 dan apakah bentuk kerjasama yang dilaksanakan dengan Kerajaan Negeri bagi mengenal pasti pelajar-pelajar yang berdepan dengan masalah keciciran sekolah akibat kemiskinan.
96. PN-1522-L09443  
**Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kriteria atau proses penapisan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk melantik ahli profesional ke dalam GLC atau agensi Kerajaan bagi memastikan mereka yang betul-betul layak sahaja dilantik.

97. PN-1522-L09382  
**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha dan perancangan jangka masa panjang Kerajaan bagi memelihara kemampuan penjaan sumber tenaga dan air dalam menghadapi perubahan iklim dunia yang semakin merosot.
98. PN-1522-L09737  
**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan insentif pengajian tinggi percuma kepada semua individu daripada keluarga B40 seperti mana yang telah termaktub dalam manifesto Barisan Nasional sebelum ini.
99. PN-1522-L09425  
**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendapat Kerajaan dalam meratifikasikan Konvensyen Antarabangsa tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum.
100. PN-1522-L09201  
**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah persediaan negara dalam mendepani perluasan 'Trade Protectionism' di peringkat global yang akan memberikan kesan besar ke atas inflasi dan kos sara hidup rakyat.
101. PN-1522-L09361  
**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan atau pemantauan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan promosi 'pre booking while stock last' untuk model-model baharu telefon dan peranti pintar bukan sebagai retorik pemasaran oleh syarikat memandangkan bekalan bagi alat-alat tersebut adalah terhad tetapi syarikat hanya mengambil kesempatan terhadap pembeli.
102. PN-1522-L09237  
**Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status Diploma Kemahiran Malaysia anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran bagi tujuan memperoleh jawatan dalam sektor awam.

103. PN-1522-L09162

**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah ada perancangan Kementerian untuk mempercepat pembangunan ekonomi digital yang boleh mendorong pertumbuhan sektor e-dagang di Malaysia.

104. PN-1522-L09374

**Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mewujudkan pengurusan sisa pepejal seperti Loji Rawatan Termal (insinerator) di negeri Perlis kerana ia amat ekonomik serta membabitkan penggunaan ruang kecil berbanding tapak pelupusan dan sekaligus dapat menyelesaikan masalah pencemaran bau dan isu air larut lesap yang berlaku.

105. PN-1522-L09084

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Khas bagi membanteras jenayah penipuan dalam talian dengan kerjasama rentas agensi SKMM, BNM serta para profesional dalam usaha memerangi jenayah tersebut secara menyeluruh.

106. PN-1522-L09649

**Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah jualan Rahmah berjaya membantu mengurangkan beban rakyat yang berdepan dengan kos sara hidup tinggi sedangkan harga barang mentah semakin naik saban hari dan dilihat gagal dikawal dengan baik hingga membebankan pengguna.

107. PN-1522-L09593

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menjadikan pasukan bola sepak negara dapat bersaing di Sukan Olimpik dan Piala Dunia.

108. PN-1522-L09693

**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peratusan penglibatan para pelajar di peringkat sekolah menengah yang menceburi bidang TVET dan berapakah peningkatan peratusan lima tahun kebelakangan ini.

109. PN-1522-L09774

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan siasatan kes penyeludupan dadah bernilai hampir RM790 juta ke Brisbane, Australia yang melibatkan warganegara Malaysia. Dari manakah tempat asal dadah itu dan apakah langkah yang telah dan akan diambil Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengelakkan negara menjadi transit pengedar dadah ke negara lain.

110. PN-1522-L09095

**Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah pihak Kementerian masih meneruskan program 'Food Bank Siswa' di Institusi Pengajian Tinggi pada masa sekarang yang difahamkan program ini telah diperluaskan kepada lebih ramai golongan B40.

111. PN-1522-L09543

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah kos penganjuran LIMA 2023 dan apakah pulangan ekonomi yang diterima oleh Kerajaan dan rakyat.

112. PN-1522-L09150

**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pembinaan pos kawalan sempadan tambahan bagi anggota polis PGA seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2023 dan apakah aspek-aspek pembangunan semula yang ditumpukan bagi pos-pos kawalan sempadan sedia ada khususnya di sempadan maritim dan darat di Sabah.

113. PN-1522-L09224

**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini respons daripada setiap Kerajaan Negeri terhadap Akta Anti Lompat Parti selepas pindaan Perlembagaan Persekutuan. Senaraikan negeri-negeri yang tidak bersetuju dengan pindaan tersebut dan apakah alasan-alasan yang diberikan.

114. PN-1522-L09388

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk membendung isu bekalan air di Universiti Malaysia Sabah Kampus Kota Kinabalu yang semakin parah.

115. PN-1522-L09568

**Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tawaran dan peluang yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu golongan B40 dan apakah agensi-agensi Kerajaan yang terlibat serta jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk suku pertama tahun 2023.

116. PN-1522-L09154

**Tuan Abun Sui Anyit** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai hak-hak Sabah dan Sarawak yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 yang telah dikembalikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak.

117. PN-1522-L09615

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan hala tuju Kerajaan dalam mengurus dan menangani isu masyarakat pelarian (IMM 13) di dua Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) iaitu di SPMP Muslim/Sebor dan SPMP Kiansam. Berdasarkan maklumat Jabatan Kesihatan Labuan, kedua-dua kawasan SPMP ini telah menjadi punca penularan penyakit denggi di W.P Labuan.

118. PN-1522-L09671

**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk menstruktur semula harga lesen memandu bagi jenis kenderaan motosikal dan kereta supaya selari dengan kemampuan rakyat serta menangani masalah memandu tanpa lesen.

119. PN-1522-L09266

**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi holistik Kementerian bagi pengambilan IPTA dan IPTS tempatan berdasarkan trend kemasukan terkini seperti pertimbangan untuk mengarahkan fokus universiti awam kita ke arah pendidikan pascasiswazah dan membiarkan kursus ijazah pertama diuruskan oleh universiti swasta, khususnya dalam beberapa bidang yang memberi kesan kepada keperluan negara seperti bidang perubatan.

120. PN-1522-L09048

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berapakah jumlah kandungan video di aplikasi media sosial TikTok dan lain-lain platform yang telah disekat dan apakah punca dan asbab ia disekat.

121. PN-1522-L09742

**Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan sistem percukaian negara seperti memperkenalkan cukai karbon dan cukai untuk industri konten digital.

122. PN-1522-L09135

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan selain daripada inisiatif Rumah Belia Madani yang dikhususkan untuk pasangan yang telah berkahwin, adakah Kerajaan akan memperluaskan skim ini untuk mahasiswa IPTA yang tidak mendapat penempatan dalam kawasan kampus sebagai satu inisiatif untuk mengurangkan beban kos sewa perumahan yang dialami para mahasiswa khususnya yang belajar di tengah ibu kota.

123. PN-1522-L09665

**Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah serta peruntukan bagi penyelidikan, pemeliharaan dan pemuliharaan tapak-tapak warisan negara dan tapak-tapak 'geopark' di seluruh negara sebagai khazanah warisan negara dan juga untuk promosi pelancongan.

124. PN-1522-L09491

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status cadangan pindaan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dan bilakah tempoh sasaran untuk dibentangkan di Parlimen.

125. PN-1522-L09290

**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah maklum balas serta respons Kerajaan mengenai kritikan terhadap silibus pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah dalam negara ini dikatakan terlalu banyak jika dibandingkan dengan sekolah di negara-negara maju.

126. PN-1522-L09138

**Datuk Noraini binti Idris** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah prospek-prospek pelaburan baharu yang dimeterai dengan negara Republik China berupaya menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan Madani di peringkat global sejajar dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan untuk melestarikan kerancakan pertumbuhan ekonomi negara yang memanfaatkan rakyat dalam aspek pendapatan yang bermaruah.

127. PN-1522-L09472

**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian berhasrat untuk menambah baik penyelenggaraan jalan raya persekutuan supaya kualiti jalan dapat dinaik taraf lebih-lebih lagi keadaan permukaan jalan raya berlubang, garisan jalan pudar, cepat rosak dan kekerapan penyelenggaraan jalan dilakukan setiap 2 bulan; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian dalam memantau keadaan pokok-pokok yang mudah tumbang dan juga landskap sekitar jalan raya yang boleh mengganggu pemandangan pemandu jalan raya.

128. PN-1522-L09629

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah mekanisme menangani bekalan keperluan asas yang mahal dan kurang di negeri Sabah dan W.P. Labuan.

129. PN-1522-L09255

**Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah berlaku kelewatan pembaharuan kontrak tahunan Pakar Bedah Kardiotorasik Pediatrik di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang dan apakah langkah yang diambil bagi memastikan perkhidmatan subkepakaran ini tidak terjejas apabila masalah penyambungan kontrak berlaku.

130. PN-1522-L09797

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah justifikasi kepada cadangan menangguhkan pembinaan jambatan Pengkalan Kubor - Tak Bai sedangkan perkara ini telah dibincangkan dengan Thailand sebelum ini dan juga telah diluluskan dalam 'Rolling Plan' Ketiga (RP3) Tahun 2023 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

131. PN-1522-L09166

**Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa pihak polis dibenarkan menyimpan rekod tangkapan seseorang yang telah ditangkap (suspek) tetapi tidak pernah dituduh di Mahkamah kerana rekod ini telah menjejaskan kehidupan seseorang yang telah ditangkap sehingga mereka dibuang kerja atau tidak diambil bekerja akibat daripada rekod tangkapan polis tersebut dan bagaimanakah pihak syarikat/majikan boleh memperoleh akses kepada rekod pihak polis tersebut.

132. PN-1522-L09818

**Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha terancang untuk meningkatkan kesedaran konsep Malaysia Madani dalam kalangan rakyat.

133. PN-1522-L09071

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan serta usaha pihak Kementerian bagi mempromosi sektor pelancongan di negeri Perlis sebagai persediaan kepada Tahun Melawat Perlis 2024.

134. PN-1522-L09467

**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah reformasi institusi yang dirancang oleh Kerajaan Perpaduan semasa tempoh penggal pemerintahan sekarang. Kerajaan yang diterajui tokoh reformasi perlu membuat pembaharuan demi kepentingan negara dan apakah usaha reformasi yang telah dilakukan dan telah dipersetujui dalam Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan yang lepas dengan Pakatan Harapan namun masih belum dilaksanakan.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R. 17/2023 ) Rang Undang-undang Kesihatan Mental (Pindaan) 2023 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**

**( 20 Jun 2023 )**

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

2. ( D.R. 22/2023 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi ]**

3. ( D.R. 18/2023 ) Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim ]**

4. ( D.R. 19/2023 ) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim ]**

5. ( D.R. 20/2023 ) Rang Undang-undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Komunikasi Dan Digital ]**

6. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :-

**"Bahawa** Dewan ini memahami akan perlunya satu dasar reformasi sistem kesihatan Negara melalui Kertas Putih Kesihatan, bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan Rakyat supaya ia relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

**Bahawa** Dewan ini mendukung aspirasi Kerajaan untuk membina sebuah Negara yang sihat, di mana ekosistem kondusif diwujudkan supaya sistem kesihatan berdaya tahan serta mampan untk jangka masa panjang melalui Kertas Putih Kesihatan.

**Bahawa** Dewan ini menyokong bagi memastikan usaha reformasi ini kalis masa hadapan dan tidak terkesan dengan situasi politik mahupun perubahan pentadbiran Negara.

**Bahawa** Dewan ini meluluskan dan merestui dasar dan usaha yang komprehensif dan menyeluruh seperti yang diperkenalkan dalam Kertas Putih Kesihatan, dengan komitmen semua pihak berkepentingan sejajar dengan pendekatan Keseluruhan Negara (Whole of Nation) untuk sama-sama memikul tanggungjawab kesihatan sebagai satu usaha nasional.

**Bahawa** Dewan ini merestui dan mengesahkan Kertas Putih Kesihatan supaya menjadi hala tuju reformasi sistem kesihatan Negara untuk tempoh 15 tahun akan datang seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah 29 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Kesihatan yang telah dibentangkan di Dewan Negara pada Rabu, 21 Jun 2023."

**[ Menteri Kesihatan ]**

7. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan ;-

“**Menyedari** bahawa dalam sistem akauntabiliti negara, Institusi Audit merupakan *oversight* agensi kepada Parlimen yang berperanan untuk mengesahkan semua aktiviti dan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dilaksanakan oleh cabang eksekutif. Ketua Audit Negara hendaklah menentukan sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud yang diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti yang berhubungan dengannya dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap keekonomian dan pengelakkan pembaziran atau keborosan seperti termaktub dalam Akta Audit 1957 [Akta 62].

**Menyedari** akan cabaran yang dihadapi oleh Ketua Audit Negara dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan supaya isu yang dibangkitkan diberi perhatian sewajarnya manakala syor-syor utama yang terkandung dalam LKAN dilaksanakan dengan berkesan.

**Menyedari** bahawa LKAN telah dibentangkan di Dewan Negara pada Selasa, 21 Mac 2023 terdiri daripada:

- i. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan;
- ii. LKAN Tahun 2021 mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan; dan
- iii. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

**Memahami** bahawa LKAN membangkitkan isu-isu ketakteraturan serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam serta pengurusan aktiviti Kerajaan dan syarikat Kerajaan yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan dan agensi yang diaudit.

**Memperakui** bahawa Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN dan YAB Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan agar Menteri terlibat meneliti isu dibangkitkan. Segala isu yang melibatkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil pengajaran (*lessons learnt*) supaya tidak berulang dalam pelaksanaan aktiviti/program/projek akan datang.

**Bahawa** dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar dapatan Audit dan syor yang terkandung dalam laporan tersebut dapat diambil tindakan serius oleh pihak terlibat untuk mengatasi kelemahan yang ditemui dan seterusnya mengelakkan ketirisan wang awam daripada terus berlaku.”

[ **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** ]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

**TAHUN 2023**

**RISALAT/DOKUMEN**

**TARIKH  
DIBENTANGKAN**

CMD 29

Kertas Putih Kesihatan

21 Jun 2023